

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA (B) HAJI
MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID**

TARIKH : 18 DISEMBER 2018 (SELASA)

SOALAN NO. 30

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana Kementerian telah menunaikan manifesto Janji No.8 iaitu memperbaiki kualiti dan liputan pengangkutan awam.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Selaras dengan manifesto Kerajaan untuk menambah baik kualiti serta liputan perkhidmatan pengangkutan awam, Kerajaan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mempengaruhi aspek penawaran yang menyasarkan matlamat untuk meningkatkan kualiti dan liputan perkhidmatan pengangkutan awam. Untuk menggalakkan lebih ramai orang menggunakan pengangkutan awam, Kerajaan akan memberi keutamaan kepada perkhidmatan bas.
2. Fokus baharu Kerajaan adalah untuk penambahan perkhidmatan bas berhenti-henti bukan sahaja di sekitar Lembah Klang malah di seluruh Malaysia termasuklah kawasan luar bandar yang akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh lima tahun. Pada masa ini Kementerian Pengangkutan sedang mengkaji konsep pelaksanaannya yang merangkumi model operasi baharu dan penglibatan Kerajaan Negeri.
3. Daripada segi perkhidmatan tren, projek Mass Rapid Transit (MRT) jajaran Sungai Buloh – Kajang (SBK) yang telah lebih setahun beroperasi sedikit sebanyak memberikan impak dan kesan jangka pendek dan jangka panjang terhadap penduduk di Lembah Klang. Dengan adanya perkhidmatan ini, rakyat diberi pilihan untuk menggunakan pengangkutan awam darat dan tidak bergantung kepada kenderaan persendirian serta sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti perkhidmatan tren sedia ada seperti LRT, KTM, KL Monorel dan sebagainya menerusi laluan-laluan yang diliputi oleh jajaran MRT.
4. Selain daripada itu, projek MRT ini memberi impak terhadap peningkatan aksesibiliti dan kesalinghubungan di antara bandar-bandar lain di mana rakyat dapat menjimatkan masa untuk tiba ke destinasi mereka. Tambahan pula, perkhidmatan meningkatkan kesalinghubungan batuan pertama dan terakhir (first and last mile) melalui bas pengantara dan teksi juga disediakan bagi

memudahkan akses penumpang ke stesen-stesen kereta api yang berhampiran dengan kawasan kediaman dan komersil masing-masing.

5. Kerajaan juga telah memperkenalkan program pas 30 hari tanpa had bernilai RM100 untuk penggunaan rel berintegrasi dan perkhidmatan bas tanpa had bagi perkhidmatan yang dikendalikan oleh Rapid Rail dan Rapid Bus Sdn. Bhd. yang merangkumi MRT, LRT, Monorel Kuala Lumpur, dan perkhidmatan bas berbayar RapidKL di Lembah Klang, serta pas 30 hari tanpa had RM50 bagi perkhidmatan bas RapidKL sahaja. Pelancaran program ini telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 1 Disember 2019 dan akan bermula pada 1 Januari 2019.
6. Kerajaan dari semasa ke semasa, akan terus berusaha mengkaji dan mengenal pasti langkah-langkah yang berkesan dan efisien diambil dan memastikan bahawa ianya sentiasa komited dalam mempertingkatkan kualiti dan liputan pengangkutan awam demi keselesaan dan kesejahteraan rakyat khususnya kepada pengguna-pengguna sistem perkhidmatan pengangkutan awam darat di negara ini.

Sekian, terima kasih.